

20 JUL 2001

Mahathir-IT

JANGAN LEPAS PELUANG DALAM REVOLUSI IT, KATA DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 20 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahatir Mohamad berkata rakyat negara ini hanya akan berpeluang memanfaatkan revolusi teknologi maklumat (IT) jika mereka mampu menguasai ilmu pengetahuan secukupnya.

Perdana Menteri berkata jika mereka tidak menguasai ilmu pengetahuan, negara akan terlepas peluang sebagaimana yang berlaku ketika revolusi industri 200 tahun lepas sehingga negara dijajah oleh pihak asing.

"Hari ini kita sedang hadapi satu lagi revolusi yang lebih besar iaitu ilmu teknologi maklumat. Kalau kita menguasai ilmu teknologi maklumat kita akan berpeluang memanfaatkan revolusi itu," katanya ketika merasmikan Program Celik IT 2001 di Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian 2 di sini, hari ini.

Mengambil contoh daripada revolusi industri 200 tahun lepas, Perdana Menteri berkata negara Eropah yang pada ketika itu menguasai ilmu pengetahuan telah mampu menghasilkan barangan dengan banyak dan berkualiti menggunakan mesin manakala negara miskin terus ketinggalan dan hanya menjadi negara pengguna.

Dr Mahathir berkata persediaan yang dilakukan oleh kerajaan sekarang ialah membekalkan ilmu pengetahuan secukupnya kepada rakyat dalam pelbagai bidang IT supaya mereka boleh bersaing dengan bangsa lain di dunia yang lebih maju.

Persediaan yang dilakukan itu bagi memastikan rakyat tidak sekadar menjadi pengguna tetapi berkemampuan menjadi pengeluar kepada perkakasan berkaitan IT untuk dipasarkan ke negara luar, katanya.

Beliau berkata menguasai ilmu teknologi maklumat akan membolehkan rakyat memperolehi pelbagai maklumat yang diperlukan dari seluruh dunia dalam tempoh masa yang singkat.

Perdana Menteri berkata kerajaan sedang memberi tumpuan sepenuhnya supaya pelajar dapat menguasai ilmu pengetahuan tersebut.

Katanya pihak korporat juga telah banyak memberi sumbangan bagi memastikan pelajar dapat menguasai ilmu IT termasuk membekalkan peralatan pada makmal komputer di sekolah-sekolah.

"Persolannya sekarang adakah mereka mahu belajar, kalau tak ingin belajar, segala makmal dan peralatan akan menjadi sia-sia," katanya.

Dr Mahathir berkata memandangkan negara tidak lagi sanggup terlepas peluang memanfaatkan revolusi itu, para guru terutamanya daripada kaum Melayu perlu menguasai ilmu IT supaya dapat diperturunkan kepada pelajar dengan berkesan dan menjadikan mereka generasi berilmu pada masa depan.

Beliau berkata semua akan rugi sekiranya guru mengabaikan ilmu IT mengatasi ilmu lain yang tidak boleh menolong pelajar.

"Tidak sepatutnya ajar ilmu yang memesongkan pelajar hingga menjadikan mereka manusia yang tidak baik," katanya.

Perdana Menteri berkata guru mempunyai kedudukan yang mulia dalam masyarakat kerana ilmu yang dimiliki tetapi mereka tidak harus membiarkan diri mereka dipergaruhi unsur yang tidak baik sehingga masyarakat tidak lagi menghormati mereka.

Perdana Menteri juga berkata menguasai ilmu pengetahuan khususnya IT merupakan tuntutan Islam dan adalah amat malang jika ada pihak yang mengatakan perkara itu hanya keduniaan semata-mata.

Dr Mahathir berkata tanpa ilmu pengetahuan, umat Islam akan terus tertindas seperti yang berlaku sekarang di negara-negara Islam.

Katanya dengan menguasai ilmu pengetahuan, umat Islam antara lainya boleh mencipta kelengkapan untuk mempertahankan diri dan negara daripada ancaman musuh.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyaksikan tiga majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi menjayakan projek Sekolah Bestari termasuk membangunkan Makmal Komputer di sekolah-sekolah Bestari seluruh Malaysia.

MoU itu ialah antara United Multimedia Sdn Bhd (UMM), KUB Telekomunikasi Sdn Bhd, Sun Microsystems, Cisco Systems, Vads Bhd dan Apex Communications Group.

Satu lagi MoU adalah antara UMM dan Telekom Smart School Sdn Bhd; dan KUB Tekstil Sdn Bhd dan Kurnia Insurans (M) Bhd.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Datuk Mahadzir Mohd Khir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Pengerusi KUB, Datuk Hassan Harun dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed.

-- BERNAMA

BD LAT